



Surat Kami : 100-UiTM(NC 36/3/12/2)  
Tarikh : 9 September 2015

15

YBhg. Prof. Ir. Dr. Haji Abdul Rahman Omar, JSM  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI)  
Universiti Teknologi MARA  
SHAH ALAM



آلسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Prof.

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF (JKE) UiTM, BIL. 09/2015**  
- *Cadangan Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelek Universiti Teknologi MARA Ke Repositori Institusi Universiti*

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berhubung perkara di atas, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Bil. 09/2015 pada 02 September 2015 telah membuat keputusan berikut:

KEPUTUSAN	<p>Mesyuarat bersetuju meluluskan Cadangan Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelek Universiti Teknologi MARA ke Repositori Institusi Universiti.</p> <p>Selaras dengan ini, Perpustakaan UiTM/Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) adalah Pusat Repositori Institusi Universiti dimana Ketua Pustakawan adalah pengawal ke atas Repositori Institusi Universiti.</p> <p>Ketua Pustakawan bertanggungjawab:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) penerimaan bahan Harta Intelek;</li> <li>(ii) pencapaian secara atas talian atau elektronik bahan Harta Intelek UiTM yang dimuatnaik ke dalam Repositori Institusi UiTM;</li> <li>(iii) penyimpanan salinan asal bahan Harta Intelek UiTM disimpan di PTAR sebagai Pusat Repositori Institusi Universiti;</li> <li>(iv) mempunyai ruang yang mencukupi untuk penyimpanan bahan asal dalam bentuk salinan keras dan menyediakan peralatan/perkakasan, dan perisian bagi penyimpanan bahan dalam bentuk salinan lembut mengikut perkembangan pembangunan bahan dari semasa ke semasa.</li> </ul>
-----------	---





Mesyuarat mengambil maklum Dasar ini:-

- (i) terpakai ke atas semua Harta Intelek yang dihasilkan oleh staf dan pelajar UiTM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penulisan, penyelidikan dan inovasi.
- (ii) hak dan/atau kepentingan atas Harta Intelek dimiliki oleh UiTM.
- (iii) sebagai garis panduan untuk merancang proses perolehan, penerimaan, pendigitalan, muatnaik dan memelihara bahan Harta Intelek UiTM sebagai koleksi Perpustakaan UiTM/Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).

3. Dimaklumkan bahawa minit mesyuarat berkenaan akan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif akan datang.

Sekian, terima kasih.

والسلام

Yang benar



**DATIN KHORSHIAH ABDUL SAMAT**

Timbalan Pendaftar

Merangkap Setiausaha JKE

b.p. Naib Canselor

- s.k.
1. Ketua Pustakawan
  2. Timbalan Pendaftar Kanan  
Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI)